

PROGRAM WINGS

KURSUS BERFOKUS SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)

PENDAHULUAN / LATAR BELAKANG

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim ditubuhkan pada tahun 1997 dengan tujuan mewujudkan masyarakat harmoni, bahagia, sejahtera dan penyayang. Salah satu daripada objektif penubuhannya, ialah, membawa wanita dalam arus pembangunan.

Seiring dengan objektif tersebut, pada 2003 Program Menjana Pendapatan diilhamkan dengan tujuan meningkatkan mutu hidup mereka ke arah mewujudkan institusi keluarga yang berkualiti melalui projek-projek menjana pendapatan seperti kursus-kursus kemahiran dan bantuan peralatan perniagaan.

Bermula tahun 2020, program dan projek menjana pendapatan ini dijenamakan semula sebagai **Women's Income-Generating Skills Project (WINGS)** atau Projek Kemahiran Menjana Pendapatan Wanita.

Program **WINGS – Kursus Berfokus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)** merupakan salah satu program yang melibatkan kerjasama dengan pihak Giatmara dalam menyediakan kursus selama enam (6) bulan sepenuh masa bagi kursus yang ditawarkan iaitu *Confectionery and Bakery, Fashion and Dress Making*, serta Masakan dan Pramusaji.

Para peserta yang layak bakal mengikuti kursus tersebut untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan (JPK) dan Giatmara.

Bagi pelaksanaan **WINGS – Kursus Berfokus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)** tahun 2021, kursus-kursus menjana pendapatan wanita yang akan dijalankan sepertimana berikut :

BIL.	PERKARA
1.	Dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan bermula Januari hingga Jun 2021.
2.	Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan (JPK) sebagai badan perunding dan penasihat dalam usaha YPKDT membantu golongan sasaran yang terlibat memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf.
3.	Dilaksanakan dengan kerjasama Giatmara Negeri Johor.
4.	Mensasarkan penyertaan terdiri daripada ibu tunggal, belia, anak-anak ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah (B40) di seluruh Negeri Johor bagi mengikuti kursus SKM ini.
5.	Kursus-kursus yang akan dilaksanakan adalah: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Confectionery and Bakery</i> • <i>Fashion and Dress Making</i> • Masakan dan Pramusaji

OBJEKTIF

- i. Membantu golongan sasaran iaitu ibu tunggal, belia dan golongan wanita berpendapatan rendah dalam menjana pendapatan mereka dari rumah (*Home-Based Business*) dan mampu bersaing dalam industri tempatan sekaligus meningkatkan ekonomi negeri Johor.
- ii. Membantu membasmi kemiskinan dan menaiktaraf kehidupan golongan sasaran sebagai ejen perubahan dalam memajukan dan membangun institusi keluarga.
- iii. Melahirkan usahawan wanita negeri Johor yang lebih berkualiti, berkemahiran tinggi, berdikari dan berdaya saing dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat hari demi hari.

JENIS KURSUS YANG DITAWARKAN

BIL.	JENIS KURSUS	LOKASI KURSUS
1.	Confectionery and Bakery	Johor Bahru
		Sri Gading
2.	Fashion and Dress Making	Segamat
		Kota Tinggi
		Mersing
		Muar
		Pagoh
		Pengerang
		Simpang Renggam
		Sri Gading
		Tenggara
3.	Masakan dan Pramusaji	Muar

SYARAT - SYARAT KELAYAKAN MENYERTA PROGRAM WINGS - KURSUS BERFOKUS SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)

1. Warganegara Malaysia
2. Melayu / Bumiputera
3. Berumur dari 15 tahun sehingga 55 tahun
4. Wanita di bawah kategori ibu tunggal, belia, anak-anak ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah iaitu di bawah kelompok B40
5. Sihat tubuh badan
6. Boleh membaca, menulis dan minat (3M)
7. Berminat dalam bidang yang dimohon
8. Bersedia memberi komitmen mengikuti kursus yang dipohon selama enam (6) bulan
9. Menandatangani Surat Aku Janji Peserta WINGS - KBSKM (sekiranya diterima)
10. Borang yang tidak lengkap berserta dokumen sokongan yang diperlukan **TIDAK AKAN** diproses

UNTUK MAKLUMAT LANJUT BOLEH LAYARI LAMAN WEB RASMI YPKDT

www.ypkdt.org.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)